

Bil. (4) dlm.PWN.Sel. (P) 869/4 Jilid 3



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BIL 1 TAHUN 2013

Kepada:

Semua Jabatan Kerajaan Negeri,
Semua Badan Berkanun Kerajaan Negeri,
Semua Pihak Berkuasa Tempatan,
Semua Pejabat Daerah / Tanah,
Selangor Darul Ehsan.

**PERUNTUKAN KENDERAAN RASMI JABATAN BAGI PEGAWAI GRED 54
(BUKAN KETUA JABATAN) DI JABATAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai peruntukan dan penyediaan kemudahan Kenderaan Rasmi Jabatan (KJ) bagi Pegawai-pegawai Gred 54 bertaraf Bukan Ketua Jabatan di Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kemudahan Kereta Rasmi pada masa ini diberikan kepada Pegawai-pegawai Gred Utama/Khas C ke atas atau yang setaraf dengannya serta Pegawai-pegawai Kerajaan yang menjadi ahli Ex-Officio Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan juga kepada pegawai-pegawai yang memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan Negeri.
- 2.2 Kenderaan yang diperuntukkan kepada Pegawai Gred Utama C dan ke atas atau yang setaraf dengannya serta Pegawai-pegawai Kerajaan yang menjadi ahli Ex-Officio Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dipanggil **Kereta Rasmi Jawatan (KRJ)** manakala kenderaan yang diperuntukkan kepada Ketua Jabatan Gred 54/52 dikenali sebagai **Kereta Rasmi Jabatan (KJ)**.
- 2.3 Memandangkan beban tugas yang semakin bertambah di kalangan Pegawai Gred 54 (bukan Ketua Jabatan), Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya Pegawai-pegawai Gred 54 bertaraf Bukan Ketua Jabatan turut disediakan Kereta Rasmi Jabatan (KJ).

3.0 JENIS KENDERAAN

- 3.1 Kerajaan Negeri telah bersetuju menyediakan Kereta Proton Preve 1.6 Executive CVT (Metallic) berwarna hitam sebagai Kereta Rasmi Jabatan bagi Pegawai Gred 54 bertaraf Bukan Ketua Jabatan di Pentadbiran/Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

4.0 SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN

- 4.1 Kereta yang diperuntukkan hendaklah digunakan untuk tujuan rasmi sahaja.
- 4.2 Kereta ini hendaklah dipandu oleh pemandu sedia ada jabatan atau anggota yang diberi surat kuasa untuk memandu Kereta Rasmi Jabatan (KJ).
- 4.3 Kereta hendaklah disimpan selamat di pejabat selepas sesuatu urusan rasmi dan tidak dibenarkan disimpan di rumah.
- 4.4 Tidak dibenarkan diguna untuk tujuan persendirian/peribadi serta mengambil dan membawa pulang pegawai ke rumah tanpa sebarang urusan rasmi.

5.0 PEROLEHAN KENDERAAN

- 5.1 Hendaklah mendapatkan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.
- 5.2 Menggunakan peruntukan sedia ada jabatan sekiranya mencukupi.
- 5.3 Kereta yang dibekalkan hendaklah dilengkapi aksesori standard.

6.0 PENGURUSAN DAN PENYENGGAARAAN

- 6.1 Buku Log Kenderaan hendaklah disediakan dan diselenggara selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil 2 Tahun 1980 mengenai Penyelenggaraan Buku Log.

- 6.2 Kereta tersebut hendaklah disenggara mengikut jadual yang telah ditetapkan dan dilakukan di Pusat Servis bertauliah/berdaftar.
- 6.3 Sebarang kemalangan, kecurian/kehilangan kenderaan hendaklah dilaporkan kepada pihak Polis dan dimaklumkan kepada Perbendaharaan Negeri.
- 6.4 Sebarang pengubahsuaian ke atas kenderaan adalah tidak dibenarkan.

7.0 SAMAN/KOMPAUN

- 7.1 Peraturan mengenai saman dan kompaun hendaklah berpandukan kepada Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil 3 Tahun 2011.
- 7.2 Kerajaan Negeri tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang saman atau kompaun yang dikenakan ke atas kenderaan.

8.0 PENGANTIAN KENDERAAN

- 8.1 Bagi jabatan yang menyediakan kemudahan kenderaan yang dipindah penggunaannya kepada pegawai terkanan Gred 54 di jabatan, pegawai boleh meneruskan penggunaan kenderaan sedia ada tersebut sehingga sampai tempoh untuk ditukar baru dan dilupuskan.
- 8.2 Permohonan untuk menggantikan kenderaan sedia ada hendaklah disertakan dengan Laporan Pemeriksaan Kereta serta Sijil Tidak Ekonomik Dibaiki daripada Jabatan Kerja Raya.

9.0 TARIKH KUATKUASA

9.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN)

D.P.M.S., S.I.S.

Pegawai Kewangan Negeri Selangor
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : **20** Februari 2013

Salinan kepada :

Y.A.B. Dato' Menteri Besar

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor